



**KETUA PENDAFTAR  
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA  
REGISTRAR GENERAL  
PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS**

Jabatan Pendidikan Tinggi  
*Department of Higher Education*  
Aras 9, No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel: 603-88706381  
Faks (Fax): 603-88706840  
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>  
(Official Portal)

Ruj. Kami : JPT/GS 1000-617 Jld. 1 (47)

Tarikh : 7 Jun 2016

## **Semua Ketua Eksekutif IPTS**

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Dr. /  
Tuan / Puan,

### **PENGUATKUASAAN SYARAT KELAYAKAN MASUK PERINGKAT DIPLOMA MENGGUNAKAN SIJIL PEPERIKSAAN MALAYSIA (SPM) DENGAN 5 KREDIT BAGI PROGRAM SAINS PERUBATAN DAN KESIHATAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat jabatan ini  
JPT/GS 1000-617 Jld. 1 (15) bertarikh 5 April 2015 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa syarat kelayakan masuk ke peringkat diploma bagi program Sains Perubatan dan Kesihatan menggunakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah dengan 5 kredit. Perkara ini dinyatakan di dalam Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Standard Program adalah satu dokumen jaminan kualiti sebagai tanda aras yang perlu dipatuhi oleh semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

3. Walaubagaimanapun, Mesyuarat Kajian Semula Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil. 1/2015 memutuskan supaya pelaksanaan syarat kelayakan masuk ini ditangguhkan sehingga Mei 2016, kecuali bagi kursus Diploma Kejururawatan dan Diploma Pembantu Perubatan. Tempoh penangguhan ini adalah bagi membolehkan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) mengambil tindakan sewajarnya serta bersedia untuk melaksanakan penguatkuasaan ini.

4. Jabatan ini melalui surat bertarikh 5 April 2014 telah memaklumkan supaya semua IPTS bersedia untuk melaksanakan penguatkuasaan syarat kelayakan masuk ini selepas tempoh

penangguhan tamat. Sehubungan dengan itu, semua IPTS yang menawarkan kursus di peringkat diploma bagi Program Sains Perubatan dan Kesihatan adalah tertakluk kepada **penguatkuasaan syarat kelayakan masuk menggunakan SPM 5 kredit bermula 1 Jun 2016.**

5. Penguatkuasaan syarat kelayakan masuk ini adalah terpakai bagi permohonan mengendalikan kursus pengajian di peringkat diploma bagi Program Sains Perubatan dan Kesihatan yang diterima selepas 31 Mei 2016, termasuklah pengambilan pelajar kohort baharu bagi kursus yang telah diluluskan.

6. Pihak YBhg. Tan Sri Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan adalah diminta untuk mengambil perhatian ke atas perkara ini. Kegagalan untuk mematuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan di bawah peruntukan seksyen 40(1) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Akta 555) adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan.

7. Keprihatinan Pihak YBhg. Tan Sri Datuk / Dato' / Datin/ Prof. / Dr./ Tuan /Puan Sekian dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATUK PROF. DR. ASMA BINTI ISMAIL)**

Ketua Pendaftar  
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k.

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTS)  
Jabatan Pendidikan Tinggi

Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Tinggi

Ketua Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)  
Menara PKNS-PJ  
17, Jalan Yong Shook Lin, Seksyen  
746050 Petaling Jaya, Selangor

Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pinjaman Negara(PTPTN)  
Lot G2, Tingkat Bawah  
Wisma Chase Perdana, Off Jalan Semantan  
Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur

Pengarah  
Bahagian Governan IPTS  
Jabatan Pendidikan Tinggi

Pengarah  
Bahagian Pendaftaran dan Piawaian  
Jabatan Pendidikan Tinggi

Pengarah  
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat  
Jabatan Pendidikan Tinggi